

**PERISYTIHARAN JUALAN
PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAIN
DI ANTARA**

**LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN
SEKTOR AWAM**

PEMEGANG GADAIAIN

DAN

NURUL WAHIDA BINTI ABDULLAH

PENGGADAI

Dalam menjalankan **Perintah Pentadbir Tanah Dungun, Terengganu** yang diperbuat dalam perkara yang tersebut di atas bertarikh **21 April 2024** adalah dengan ini diisyiharkan bahawa Pentadbir Tanah Dungun, Terengganu.

**AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM
PADA: 17 Julai 2024 [RABU] JAM : 10.00 PAGI
DI SUDUT LELONGAN AWAM PEJABAT TANAH DUNGUN, TERENGGANU**

NOTA : Bakal pembeli berminat dinasihatkan membuat carian rasmi dan memeriksa harta tersebut sebelum lelongan. Tertakluk kepada syarat lelong.

KETERANGAN HARTANAH

NO. HAKMILIK	:	GM 10267
NO. LOT	:	Lot 12902
MUKIM	:	SURA
TEMPOH PEGANGAN MILIK	:	Selama-lamanya
KELUASAN TANAH	:	244 MP
CUKAI TANAH	:	RM10.00
KATEGORI KEGUNAAN TANAH	:	Bangunan
PEMILIK BERDAFTAR	:	NURUL WAHIDA BINTI ABDULLAH KP : 820924-11-5398
SYARAT NYATA	:	(i) Hendaklah didirikan bangunan kediaman sahaja. (ii) Dalam tempoh dua tahun daripada tarikh diberimilik atau di dalam satu tempoh lanjutan yang diluluskan oleh Pentadbir Tanah, Dungun hendaklah didirikan dan disiapkan dengan sempurna bangunan kediaman mengikut pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
SEKATAN KEPENTINGAN	:	TIADA
BEBANAN	:	Telah digadai kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam melalui pers: 3140/2013 pada 28 Oktober 2013.
LOKASI DAN KETERANGAN HARTA	:	Tanah terletak di Lot 12902, Jalan Masjid Lama, Dungun, Terengganu
HARGA REZAB	:	RM279,000.00 (Dua Ratus Tujuh Puluh Sembilan Ribu Ringgit Sahaja)

SYARAT-SYARAT JUALAN / LELONGAN AWAM

1. Lelongan ini adalah terbuka kepada semua Orang Melayu* dan lain-lain Bangsa Warga Negara Malaysia yang berminat untuk membuat tawaran termasuk Pemegang Gadaian (jika dibenarkan oleh undang-undang).
2. Sebarang tawaran tidak boleh kurang daripada Harga Rizab yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Dungun dalam Perintah (Borang 16H) atau Perisyntiharhan Jualan.
3. Bakal penyambut mesti terlebih dahulu membayar/ menyerahkan **Deposit sebanyak 10% daripada Harga Rizab** kepada Pemegang Gadaian iaitu selewat-lewatnya **30 minit** sebelum penjualan bermula. Penyambut yang tidak berjaya, depositnya akan dikembalikan.
4. Bayaran Deposit (3) hendaklah dalam bentuk **BANK DRAF (SAHAJA)** kepada **PEMEGANG GADAIAN** dengan mencatatkan nama dan No. Kad Pengenalan tuan disebelah belakang Bank Draf berkenaan
5. Syarikat dikehendaki menyertakan 'Memorandum & Article Association', Borang 24, Borang 49 Resolusi Lembaga Pengarah dan Borang 11 (bagi pemilikan bumiputera)
6. Pentadbir Tanah Dungun berhak menarik balik atau menangguhkan sebarang penjualan pada bila-bila masa sebelum jatuhnya penukul. (Seksyen 264(3)KTN)
7. Penyambut yang Berjaya dalam lelongan berkaitan mestilah membayar/ menjelaskan sepenuhnya jumlah deposit sepuluh (10) peratus daripada harga pembelian/ tawaran berkenaan dalam bentuk bank draf/ wang tunai sebaik sahaja selepas penjualan lelongan itu tamat.
8. Penyambut hendaklah juga menandatangani satu perjanjian jual beli dengan penyaksian.
9. Baki harga tawaran/ pembelian (90%) hendaklah dijelaskan dalam tempoh **120 hari** mulai tarikh perjanjian jual beli dibuat. Jika gagal, penyambut tawaran dianggap telah melanggar Perjanjian Jual Beli dan Wang Deposit 10% akan dirampas dan akan digunakan/ diagihkan mengikut Seksyen 267 Kanun Tanah Negara (pindaan) 2001.
10. Di mana seorang pembeli gagal untuk menyelesaikan baki harga belian dalam masa yang telah ditetapkan di bawah perintah untuk jualan di bawah Seksyen 263 KTN, deposit tersebut akan dilucut hak dan hendaklah terpakai mengikut Seksyen 267A KTN.
11. Tanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua Ismen/Kaveat, Tenansi, Tanggung dan Hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mengtakrifnya dan tiada kesilapan pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran ganti rugi dibenarkan mengenainya.
12. Apa-apa bayaran cukai tanah, bayaran taksiran dan semua perbelanjaan yang kena dibayar bagi membuat taksiran atau melaksanakan perintah jualan ini hendaklah dibayar daripada harga pembelian. Segala bayaran lain berhubung dengan pendaftaran perakuan jualan hendaklah ditanggung oleh pembeli.



(ABDUL MUIZ BIN MAZLAN)
b.p Pentadbir Tanah,
Dungun.